

PM - LAWATAN

KOTA BAHARU, 28 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD YANG SEDANG MELAWAT KE KELANTAN HARI INI MEMPUNYAI ACARA YANG SIBUK.

BELIAU AKAN MENEMUI ANGGOTA JAWATANKUASA BARISAN NASIONAL DI KEDIAMAN MENTERI BESAR PUKUL 8.30 PAGI INI DAN DUA JAM KEMUDIAN DENGAN KETUA-KETUA DAN JAWATANKUASA UMNO 13 BAHAGIAN DI SEBUAH HOTEL TERKEMUKA DI SINI.

SELEPAS MENUNAIKAN SEMBAHYANG JUMAAT DI MASJID MULONG DEKAT NILAM PURI PERDANA MENTERI AKAN MELAWAT DAN MERASMIKAN PELANCARAN PROJEK PENANAMAN PADI BERSEPADU LATING-MULONG DI MULONG, KIRA-KIRA 10 KM DARI SINI.

SEMENTARA ITU, MALAM TADI PERDANA MENTERI MENGHADIRI PERJUMPAAN DENGAN ANGGOTA BADAN PERHUBUNGAN UMNO NEGERI KELANTAN DI KEDIAMAN MENTERI BESAR.

YANG TURUT HADIR IALAH SETIAUSAHA AGUNG UMNO DATUK SERI SANUSI JUNID, MENTERI LUAR TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN (TIMBALAN KETUA BADAN PERHUBUNGAN NEGERI) DAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH (KETUA BAHAGIAN GUA MUSANG).

PERDANA MENTERI DIJADUALKAN BERLEPAS KE KUALA LUMPUR PADA PUKUL 5.45 PETANG INI. -- BERNAMA.
1011MST 28 03 84